

# Wan Azeelan terajui pengurusan, operasi UMS-Link

Oleh HENRY BATING  
hbating@gmail.com

UB 30.08.2012 B2

**U**MS Link Holdings Sdn Bhd (UMS Link), iaitu sebuah syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah pimpinan Pemangku Ketua Pegawai Operasi (COO) yang baru dilantik, kini melanjutkan pelbagai aktiviti perniagaan yang telah dirintis oleh pengurusan terdahulu dengan memberi tumpuan kepada program-program baru dan pengkomersilan hasil kajian penyelidik UMS.

Wan Mohd Azeelan Adnan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah ULink yang dipengerusikan oleh Datuk KY Mustafa menerajui pengurusan UMS Link sebagai Pemangku COO bakal mempergiat tiga bidang utama sebagai langkah menjana pendapatan UMS. Beliau menggantikan kapasiti Prof Dr Roselina Ahmad Saufi selaku Pengarah Urusan Kumpulan berkuatkuasa Mei 2012 lalu.

Visi utama Wan Azeelan ialah untuk meningkatkan pendapatan, meningkatkan kapabiliti modal insan serta mengantarabangsakan syarikat UMS Link.

Justeru, dalam Plan Strategik UMS Link Fasa Kedua, beliau telah menggariskan tiga teras utama yang beliau akan beri tumpuan iaitu sektor pendidikan dan latihan, sektor perniagaan asas tani dan akuakultur, dan sektor harta tanah. Setiap bidang tumpuan ini akan merangka plan tindakan serta menetapkan KPI atau sasaran yang akan menjadi pendorong dalam meningkatkan pendapatan UMS Link.

"Pendekatan yang akan diambil dalam mengerakkan ketiga-tiga sektor ini akan berlandaskan pengkomersilan sebagai asas perlaksanaan."

"Pengkomersilan akan menjadi asas dalam aktiviti UMS Link kerana ia memberi makna yang meluas di mana semua aspek dalam sistem utama

UMS iaitu dari program-program akademik, ke penyelidikan serta kepakaran modal insan di UMS boleh diketengahkan melalui ketiga-tiga sektor yang dinyatakan" tambahnya.

Dalam membangunkan bidang pendidikan dan latihan, fokus akan diberi kepada peningkatan bilangan pelajar separuh masa, pelajar antarabangsa serta program-program vokasional dan eksekutif. Antara usaha yang akan dilaksanakan ialah untuk bekerjasama dengan pihak UMS dalam membangun dan menawarkan Program Asasi Bukan Sains.

Menurut Wan Azeelan, hasrat UMS Link agar UMS dapat menawarkan Program Asasi Bukan Sains akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar khususnya lepasan SPM yang tidak memenuhi kelayakan minimum untuk memasuki pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang sains sosial, seni dan perniagaan. Namun begitu, cadangan program ini hanya akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Senat UMS.

Dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar dan program eksekutif, pendekatan berorientasikan industri akan diberi perhatian oleh Wan Azeelan. Beliau yakin pendekatan ini adalah lebih praktikal dan relevan dalam usaha mentransformasikan modal insan. Penglibatan aktif oleh pihak industri dalam pembangunan kurikulum pengajian bercorak eksekutif amat diperlukan.

Justeru, sinergi antara universiti melalui syarikat-syarikat universiti seumpama UMS Link mampu merapatkan jurang di antara pihak industri dan IPT.

"Saya yakin jika kita mahu modal insan dan tenaga kerja organisasi yang berpengetahuan dan cemerlang, penglibatan ahli korporat dari mula kurikulum dibangunkan hingga ke peringkat penyelidikan amat perlu. UMS Link akan mengambil langkah di mana panel penasihat industri dan penglibatan pihak industri sebagai tenaga pengajar dan penilai bagi program-program eksekutif dan vokasional diwujudkan."

"UMS Link akan memberi penekanan dalam bidang akuakultur iaitu rumpai laut dan ternakan ikan sangkar serta perladangan

mengambil langkah di mana panel penasihat industri dan penglibatan pihak industri sebagai tenaga pengajar dan penilai bagi program-program eksekutif dan vokasional diwujudkan," katanya.

Mengenai usaha memperluaskan pengambilan pelajar antarabangsa, Wan Azeelan menyatakan setakat ini kemasukan pelajar lebih ramai diterima dari negara China. Bagaimanapun, promosi dan pengambilan sedang giat dijalankan melalui wakil-wakil pemasaran dan promosi antarabangsa

kelapa sawit. Penglibatan anak syarikat UMS Link iaitu ULink Agro-Based Sdn Bhd dalam pengurusan rumpai laut di Semporna sejak tahun 2011 dengan kerjasama Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan sebuah syarikat tempatan menunjukkan kepakaran UMS telah menjadi sebahagian aset yang boleh dikomersilkan di samping meningkatkan sistem pengurusan rumpai laut secara lebih profesional.

"Saya berhasrat untuk memperkembangkan sistem ini dalam konteks mewujudkan satu pusat latihan pengurusan

**“Saya yakin jika kita mahu modal insan dan tenaga kerja organisasi yang berpengetahuan dan cemerlang, penglibatan ahli korporat dari mula kurikulum dibangunkan hingga ke peringkat penyelidikan amat perlu. UMS Link akan mengambil langkah di mana panel penasihat industri dan penglibatan pihak industri sebagai tenaga pengajar dan penilai bagi program-program eksekutif dan vokasional diwujudkan.”**

yang dilantik di negara Turki dan negara-negara Timur Tengah, Taiwan, Korea, Hong Kong dan Filipina.

"UMS Link setakat ini mengendalikan program persediaan bagi kalangan pelajar luar negara untuk kemasukan ke program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah," kata Wan Azeelan sambil menambah cadangan perlaksanaan program asasi di luar negara turut diberi perhatian.

Beliau bersama pengurusan UMS Link berhasrat untuk memperkembangkan sayap UMS Link di arena antarabangsa melalui kerjasama pendidikan dan konsultansi dengan pihak-pihak di luar negara.

Dalam sektor asas tani, UMS Link akan memberi penekanan dalam bidang akuakultur iaitu rumpai laut dan ternakan ikan sangkar serta perladangan

tanaman rumpai laut secara profesional dan sistematis hingga ke peringkat pemprosesan dan pembungkusan rumpai laut atau down stream activity," katanya.

Wan Azeelan turut menjangkakan penglibatan UMS Link dalam bidang hortikultur akan memberi pulangan yang tinggi bukan sahaja kepada UMS Link malahan kepada UMS. Justeru, pembangunan UMS Link International Precinct (atau UIP) di Alamesra sebagai sebuah hab pendidikan berafiliasi korporat dengan konsep teknologi hijau akan memberi kemudahan yang kondusif bagi pembelajaran dan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya para pelajar serta menjadi tarikan utama di kalangan pelajar dan komuniti antarabangsa.

"Dalam kawasan hab itu akan didirikan menara korporat lima tingkat untuk pejabat pengurusan, menara kondominium 27 tingkat, menambah aktiviti seperti business matching, dialog bersama industri akan dipergiatkan."

**WAN AZEELAN dalam temuramah bersama penulis, Henry Bating.**

(Gambar kanan) WAN AZEELAN (kanan) bersama KY Mustafa dalam satu majlis rasmi yang melibatkan UMS Link.

(Gambar bawah) ROSELINA (kanan) menyerahkan tugas kepada Wan Mohd Azeelan pada Mei lalu sambil diperhatikan KY Mustafa.



Hotel Butik tujuh tingkat serta kemudahan lain seperti rekreasi, lot komersial dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, pembangunan projek ini dijangkakan bermula pada tahun 2013. UIP bakal menempatkan sekitar 2,000

tiga sektor perniagaan yang dinyatakan, pengkomersilan hasil kajian pakar UMS dan penggalakan kemasukan lebih ramai pelajar

prinsip amanah dan telus, Wan Azeelan berkata, "UMS Link berperanan menyokong dan mendokong aspirasi UMS sebagai sebuah universiti terunggul bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Malaysia dan serantau Asia."


"Saya yakin UMS Link akan terus menyumbangkan sumber dana kepada UMS. Sejak 2007, UMS Link terus menyempurnakan tanggungjawab dalam memberi pulangan sebanyak 60 peratus pendapatan syarikat setiap tahun kepada UMS," katanya.

Beliau yang juga Pengurus Kewangan Korporat UMS Link turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga Pengarah UMS Link dan juga mantan Pengarah Urusan Kumpulan, Profesor Dr Roselina yang telah memberi kepercayaan dan sokongan kepada beliau untuk memimpin UMS Link.

Wan Azeelan, 49, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyertai UMS Link Holdings pada 7 Jun 2010. Beliau yang memiliki pengalaman bekerja selama 18 tahun dalam sektor korporat di syarikat kebangsaan yang tersebar di Bursa Saham Kuala Lumpur dan tiga tahun dalam syarikat telekomunikasi kebangsaan yakin terhadap pencapaian syarikat UMS Link di masa hadapan.



Berpegang kepada



DARI kanan, Wan Mohd Azeelan, Yusak Yumboris dan Nerwani Shereen menunjukkan jersi bolasepak yang telah disumbangkan kepada kontinen RTM Sabah.